

BAB 3

METODOLOGI

Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk membuat analisis tentang kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar Tingkatan 3 semasa mereka membuat karangan dalam Bahasa Melayu. Kajian ini akan mengenal pasti apakah kesalahan-kesalahan yang dilakukan, sama ada kesalahan dari segi morfologi, ejaan atau sintaksis.

Kaedah Penyelidikan

Untuk merealisasikan kajian ini, pengkaji akan melakukan analisis terhadap karangan pelajar yang telah dikumpulkan terlebih dahulu. Oleh sebab analisis ini bertujuan mengenal pasti kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar, pengkaji akan memberi isi-isi karangan agar tidak membebankan para pelajar.

Pengkaji memilih kaedah melakukan analisis terhadap karangan pelajar berdasarkan pendapat pakar-pakar seperti Mohd. Daud Yusof (1989:76) yang mengatakan analisis kesalahan merupakan kajian ke atas kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam mempelajari bahasa kedua. Oleh itu semasa mereka menulis atau bertutur, banyak kesalahan dapat dikenal pasti.

Selain itu, Slinker memperkenalkan 'concept of fossilization ' yang bermaksud wujudnya unsur-unsur linguistik di kalangan pelajar bahasa kedua yang didasarkan kepada bahasa pertamanya. Unsur-unsur linguistik ini akan muncul semasa pelajar

menggunakan bahasa kedua dan mengganggu pelajar terutama melibatkan aspek fonologi, morfologi dan sintaksis.

Corder (1981) pula mengatakan kesalahan yang dilakukan akan menjadi maklum balas kepada guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan bahan/ alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Sharma (1981) berpendapat analisis kesalahan merupakan proses menganalisis kesalahan pelajar dalam proses mempelajari selok belok bahasa. Analisis kesalahan mampu memberi maklumat penting dalam menilai keberkesanan proses pengajaran serta membantu memilih bahan dan prosedur memperbaiki pengajaran.

Gass dan Selinker (1994 : 67) menyatakan analisis kesalahan ialah analisis yang memberi tumpuan kepada kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Perbandingan akan dibuat terhadap kesalahan yang dilakukan semasa mempelajari bahasa sasaran dengan bentuk bahasa sasaran. Analisis kesalahan boleh dilakukan dengan mengutip data kemudian mengenal pasti kesalahan, mengklasifikasikan kesalahan, menilai kesalahan, menganalisis punca kesalahan dan akhir sekali menjalankan proses pemulihan.

Persampelan

Kajian ini hanya memfokuskan kepada kesalahan-kesalahan sintaksis, morfologi dan ejaan yang dilakukan oleh para pelajar Tingkatan 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan, Sungai Besar sahaja. Bagi mencapai tujuan tersebut, sebanyak 99 karangan pelajar dianalisis, iaitu 54 karangan pelajar Melayu, 41 karangan pelajar bukan Melayu.

Pengkaji memilih pelajar Tingkatan 3 sebagai sampel kajian kerana mereka memerlukan kemahiran dalam karangan Bahasa Melayu sebelum menghadapi Penilaian

Menengah Rendah (PMR). Seterusnya pelajar-pelajar inilah yang akan melanjutkan pelajaran mereka ke Tingkatan 4 dan 5. Daripada analisis kesalahan yang mereka lakukan dapatlah dibuat telahan atau ramalan tentang kesalahan-kesalahan yang akan mereka lakukan semasa menduduki Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kelak. Daripada dapatan kajian yang diperolehi dapatlah dirancang pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan sesuai untuk peringkat PMR dan SPM.

Selain itu pengkaji memilih sampel pelajar Tingkatan 3 untuk memudahkan pengumpulan data, menjimatkan kos, masa dan tenaga memandangkan pengkaji mengajar di kelas-kelas Tingkatan 3.

Pengkaji juga mengambil sampel dari satu sekolah sahaja bagi memudahkan proses pengumpulan data, menjimatkan kos, masa dan tenaga. Pengkaji juga berpendapat Sekolah Menengah Kebangsaan, Sungai Besar mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki untuk dijadikan kajian kerana komposisi pelajarannya yang terdiri daripada pelbagai kaum, iaitu Melayu, Cina dan sedikit India.

Sekolah Menengah Kebangsaan terletak di Sungai Besar, sebuah pekan kecil di kawasan luar bandar di dalam daerah Sabak Bernam, Selangor. Sekolah ini merupakan sekolah gred A dengan jumlah pelajarannya seramai 2063 orang. Bilangan tingkatannya sebanyak 68 kelas merangkumi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 Atas. Bilangan kelas Tingkatan 3 sebanyak 13 kelas daripada Tingkatan 3A hingga 3M. Pelajarannya terdiri daripada kaum Melayu dan Cina dan sedikit India. Justeru kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan terdiri daripada pelbagai jenis. Ini disebabkan mereka akan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua.

Sekolah Menengah Kebangsaan pernah menjadi Sekolah Harapan Negara kategori luar bandar pada tahun 1990. Namun pencapaian sekolah dalam peperiksaan PMR 1999 hanya 46.3 % merosot 5 % daripada tahun sebelumnya. Mata pelajaran Bahasa Melayu mencatat 91.6 % berbanding 96.6 % tahun sebelumnya. Peratus pencapaian SPM 1999 merosot kepada 63.97 % berbanding 69.4 % tahun sebelumnya dengan peratus pencapaian Bahasa Melayu 88.85 % berbanding 91.39 % tahun 1998. Dalam peperiksaan STPM 1999 peratus pencapaian 94.54 % berbanding 98.04 % tahun sebelumnya dengan Bahasa Melayu mencapai 63.46 % berbanding 73.81 % tahun sebelumnya. Ini menunjukkan kemerosotan pencapaian Sekolah Menengah Kebangsaan dalam peperiksaan awam iaitu PMR, SPM, dan STPM. Maka diharapkan analisis kesalahan ini dapat mengenal pasti kelemahan pelajar dalam karangan Bahasa Melayu yang merupakan komponen penting dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Komposisi pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan terdiri daripada 76% pelajar Melayu dan 23% pelajar Cina secara keseluruhan, sementara untuk pelajar Tingkatan 3, 78 % pelajar Melayu dan 21 % pelajar Cina. Oleh yang demikian, analisis kesalahan ini mempunyai kaitan dengan keturunan atau kaum. Ini disebabkan pelajar Melayu akan mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama manakala pelajar Cina akan mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Menurut Chomsky terdapat perbezaan antara kecekapan (competence) dengan perlakuan (performance) serta pertalian keduanya. Seseorang penutur jati mempunyai pengetahuan yang cukup tentang rumus dan sistem bahasa ibunda mereka, namun ujaran yang tidak gramatis masih mereka lakukan. Penutur jati dan mereka yang mempelajari sesuatu bahasa sebagai bahasa kedua memperlihatkan kesalahan yang berbeza.

Lado (1964) berkata terdapat dua istilah yang harus diambil kira, kesalahan (error) yang dilakukan oleh mereka yang belajar sesuatu bahasa dan kesilapan (mistake) yang dilakukan oleh penutur jati sesuatu bahasa.

Corder (1974) pula berpendapat mempelajari bahasa ibunda adalah sebahagian seluruh proses kematangan pelajar manakala mempelajari bahasa kedua hanya bermula setelah kematangan itu tercapai. Proses mempelajari bahasa kedua memerlukan rangsangan yang kuat

Politzer (1965:168) mengatakan pemindahan latihan atau pemelajaran merupakan masalah terpenting dalam pemerolehan bahasa kedua. Proses pemindahan ini berkait dengan unsur terjemahan dalam otak pelajar. Biasanya mereka cuba menyesuaikan struktur bahasa ibunda dengan struktur bahasa yang dipelajari. Dalam proses pemelajaran bahasa kedua wujud faktor gangguan bahasa ibunda.

Mengikut Lado (1957:2) dalam proses pemelajaran, pelajar akan membandingkan kedua-dua bahasa. Jika terdapat fitur yang sama, pemelajaran menjadi mudah dan begitulah sebaliknya.

Jacobvites (1963) pula mengemukakan 3 andaian asas, iaitu pemelajaran bahasa pertama adalah proses kematangan dan perkembangan semula jadi manusia, kedua, kecuali bahasa pertama dikuasai pada peringkat awal, pemelajaran bahasa kedua tidak sampai ke mana, dan ketiga, bahasa kedua boleh dipelajari dalam masa singkat iaitu 400-600 jam atau kurang dua bulan jika pelajar bersemangat dan intensif. Beliau berpendapat mempelajari bahasa pertama ialah proses menguasai batin sesuatu bahasa manakala mempelajari bahasa kedua proses menguasai struktur lahir bahasa.

Berdasarkan pendapat pakar-pakar di atas, nyatalah keturunan/kaum memang mempunyai kaitan dengan teori kesalahan bahasa. Pelajar-pelajar Melayu mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama kurang melakukan kesalahan berbanding pelajar Cina yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka.

Instrumentasi

Kajian ini adalah berdasarkan kepada analisis kesalahan sintaksis, morfologi dan ejaan yang dilakukan oleh para pelajar dalam karangan mereka. Kesalahan akan dibahagikan kepada dua aspek, iaitu pertama, aspek morfologi dan kedua, aspek sintaksis. Pelajar-pelajar akan diberi satu tajuk karangan yang sama iaitu

“Sejak kebelakangan ini sekolah anda menghadapi pelbagai masalah disiplin. Anda merupakan seorang pengawas sekolah yang ingin menyampaikan beberapa cadangan kepada pengetua sekolah anda tentang cara-cara memperbaiki mutu disiplin. Huraikan cadangan anda selengkapnya.”

Panjang karangan ialah 180 patah perkataan. Ini bermakna pengkaji akan memeriksa karangan setakat 180 patah perkataan sahaja. Jumlah perkataan tersebut difikir sesuai dengan tahap pelajar Tingkatan 3. Untuk memastikan prestasi sebenar, karangan mesti ditulis dalam kelas. Masa yang dicadangkan ialah 45 minit.

Reka Bentuk Kajian

Daripada 99 karangan pelajar Tingkatan 3, pengkaji akan membuat analisis untuk mengenal pasti kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar. Kesalahan-kesalahan tersebut akan dibahagikan kepada tiga aspek, iaitu aspek sintaksis, morfologi dan ejaan.

Pentadbiran Kajian

Sebanyak 99 karangan pelajar Tingkatan 3 akan dianalisis untuk mengenal pasti kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan. Kesalahan akan dibahagikan kepada tiga aspek, pertama, aspek morfologi, kedua, aspek sintaksis dan ketiga, aspek ejaan. Aspek morfologi meliputi kesalahan memilih kata seperti menggunakan kata yang tidak perlu; meninggalkan kata pada tempat yang perlu; menggunakan perkataan tidak bersesuaian dengan konteks; kesalahan menggunakan kata sendi; kesalahan menggunakan kata ganti; kesalahan menggunakan kata ganda; kesalahan menggunakan kata hubung; dan kesalahan menggunakan imbuhan. Aspek kesalahan ejaan juga akan dianalisis. Selain itu kajian ini turut menganalisis kesalahan tanda baca dan ketiadaan penanda wacana dalam karangan.

Jenis-jenis kesalahan sintaksis pula ialah ayat tidak bersubjek; ayat tidak berpredikat; ayat terlalu panjang; tidak menggunakan kata relatif 'yang' dalam ayat majmuk pancangan relatif, menggunakan struktur bahasa lisan; dan menggunakan ayat pasif yang tidak betul.

Setelah dianalisis, pengkaji akan memberi cadangan apakah langkah-langkah yang patut diambil oleh para pelajar agar mereka tidak mengulangi kesalahan-kesalahan

yang telah mereka lakukan. Dengan ini para pelajar akan menyedari kesalahan mereka dan diharap berusaha untuk menghindarkan kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan.

Analisis Data

Data akan dikaji melalui dua cara :

a. Analisis Kualitatif

Pengkaji akan mengenal pasti kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh sampel meliputi aspek sintaksis, morfologi dan ejaan. Kesalahan-kesalahan tersebut akan dibandingkan dengan bentuk-bentuk yang betul.

b. Analisis Kuantitatif

Untuk mencari purata kesalahan secara keseluruhan, purata kesalahan morfologi dan purata kesalahan ejaan, jumlah kesalahan yang dilakukan bagi setiap aspek akan dibahagikan dengan jumlah perkataan dalam 99 buah karangan sampel iaitu sebanyak 17820 kata. Contohnya, bagi mencari purata kesalahan secara keseluruhan jumlah kesalahan dibahagikan dengan jumlah perkataan iaitu 17820 kata. Untuk mencari purata kesalahan morfologi dan purata kesalahan ejaan mengikut kaum pula, jumlah kesalahan bagi sesuatu kaum akan dibahagikan dengan jumlah perkataan dalam karangan sampel mengikut kaum.

Purata kesalahan bagi sintaksis secara keseluruhan pula diperolehi menerusi cara membahagikan jumlah kesalahan sintaksis dengan jumlah ayat dalam 99 karangan yang setiap satu panjangnya 180 patah kata. Bagi menentukan purata kesalahan sintaksis mengikut kaum pula, jumlah kesalahan sintaksis bagi sesuatu kaum dibahagikan dengan jumlah ayat dalam karangan sampel mengikut kaum.